

DBKL

anjur

konsert

percuma

Kuala Lumpur: Warga kota dijemput menyaksikan Konsert Chamber Kuala Lumpur 2023 secara percuma di Panggung Bandaraya, Jalan Raja, pada 8 Ogos ini.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan memaklumkan konsert bermula jam 8 malam itu akan turut diadakan pada 19 September dan 7 November depan.

“Warga kota akan dipersembahkan dengan lagu klasik Seniman Agung Alahyarham Tan Sri P Ramlee seperti Getaran Jiwa dan Di Mana Kan Ku Cari Ganti.

“Selain itu turut dipersembahkan alunan muzik daripada Beethoven seperti Septet in E Flat Major, Op 20, Debussy Reverie, Ibert Escales, Hisaishi dan Spirited Away,” menurut kenyataan itu.

Kesemua persembahan menampilkan pelbagai kumpulan orkestra profesional di Kuala Lumpur seperti Orkestra Kuala Lumpur DBKL, Orkestra Simfoni Kebangsaan Istana Budaya dan Orkestra Filharmonik Malaysia, Dewan Filharmonik Petronas.